PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
(MEMO ANTARA BAHAGIAN)

Ruj. Kami: SUKPHG-4.500-8/5/1 JLD.11(36) Tarikh: 6 November 2026

TAJUK	**JEMPUTAN MENGHADIRI SESI LIBAT URUS PENGURUSAN KEWANGAN OLEH AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK) SERTA TAKLIMAT SKIM PERLINDUNGAN KESIHATAN OLEH CUEPACS CARE**	
DARIPADA	**Ketua Penolong Setiausaha (K)** **Bahagian Khidmat Pengurusan**	**s.k.**
KEPADA	**Edaran Kepada** **(Seperti pada Lampiran A)**	

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Sesi Libat Urus Pengurusan Kewangan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) serta Taklimat Skim Perlindungan Kesihatan oleh Cuepacs Care akan diadakan pada ketetapan seperti yang berikut:

Tarikh	:	**11 November 2026 (Rabu)**
Masa	:	**9:00 pagi hingga 1:00 tengah hari**
Atur cara	:	**Seperti pada Lampiran B**
Tempat	:	**Bilik Gerakan Negeri, Tingkat 7, Blok B, Wisma Sri Pahang, Kuantan.**

3. Sehubungan dengan itu, dimohon kerjasama pihak YH Dato'/tuan/puan untuk mencalonkan seramai 4 orang pegawai atau kakitangan di bahagian/unit masing-masing bagi menyertai program tersebut. Pihak YH Dato/tuan/puan juga dimohon untuk memastikan pegawai atau kakitangan yang telah dicalonkan dapat hadir sepanjang program berlangsung.

4. Sekiranya peserta berkenaan tidak dapat hadir, pihak YH Dato/tuan/puan hendaklah mengemukakan pencalonan pengganti yang terdiri daripada pegawai atau kakitangan yang **masih belum memenuhi syarat kehadiran mencukupi kursus 7 hari setahun.** Pencalonan hendaklah dibuat melalui Sistem e-Latihan Pahang (***http://elatihan.pahang.gov.my***) **oleh penyelaras latihan** (*person in charge*) di bahagian/ unit masing-masing **selewat-lewatnya pada 10 November 2026 (selasa).**

...2/-

5. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dirujuk kepada urus setia program seperti yang berikut:

(i)	Puan Nor Ain binti Abdul Jabar	-	09-5146207
(ii)	Encik Mohd Faizul bin Mustapa	-	09-5126652

6. Segala perhatian dan kerjasama pihak YH Dato'/tuan/puan amat dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MUDAH, CEPAT, TELUS"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NURUL INTAN SURAYA BINTI AMINUDDIN, *AAP.***)**
Ketua Penolong Setiausaha (K)
Bahagian Khidmat Pengurusan

LAMPIRAN A

SENARAI EDARAN

1. Setiausaha Sulit Kanan kepada
   YAB Menteri Besar Pahang
   Pejabat Menteri Besar

2. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Dewan Undangan Negeri dan
   Majlis Mesyuarat Kerajaan

3. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

4. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

5. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Kerajaan Tempatan

6. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Khidmat Pengurusan

7. Pengarah
   Majlis Sukan Pahang

8. Ketua Audit Dalam
   Unit Audit Dalam

9. Ketua Penolong Setiausaha
   Bahagian Istiadat dan Pengurusan Majlis

10. Ketua Penolong Setiausaha Kanan
    Unit Korporat

11. Ketua Penolong Setiausaha
    Unit Integriti

12. Pengarah
    Badan Kawal Selia Air

13. Pengarah
    Unit Perancangan dan Operasi Data Strategik

14. Pengarah
Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang

15. Pengarah
Unit Komunikasi Strategik

16. Ketua Unit
Unit Pembangunan Wanita dan Sosial

LAMPIRAN B

ATUR CARA
SESI LIBAT URUS PENGURUSAN KEWANGAN OLEH AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK) SERTA TAKLIMAT SKIM PERLINDUNGAN KESIHATAN OLEH CUEPACS CARE
PAHANG 11 NOVEMBER 2026 (RABU)

MASA	ATUR CARA
9:00 pagi – 11.00 pagi	**Slot 1** Tajuk: **Taklimat berkaitan Pengurusan Kewangan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).** Penceramah: **AKPK Cawangan Kuantan**
11:00 pagi – 12.30 tgh	**Slot 2** Tajuk: **Taklimat berkenaan Cuepacs Care kepada Pegawai dan Kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.** Penceramah: **Agensi Cuepacs Care**
12.30 tgh	Makan tengah hari/bersurai